

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ اتَّبَعَ هَدَاهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Utama sekali, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. yang dengan izin-Nya, dapat juga penulis menyelesaikan disertasi ini setelah menempuhi suatu tempoh yang penuh dengan pelbagai cabaran dan dugaan.

Di ruangan ini, suka untuk penulis coretkan secebis penghargaan dan ucapan terima kasih kepada beberapa individu dan pihak yang terlibat samada secara langsung dan tidak; pertama sekali, ayahanda dan bonda. Tanpa sokongan, kasih, kata-kata semangat, sokongan material dan kewangan dari mereka, sudah pasti kajian ini tidak akan sampai ke penghujungnya. Kasih ayahanda bondalah yang menyokong penulis hingga ke akhirnya.

Kedua; Dr. Ahmad Najib bin Abdullah, penyelia dan ustaz penulis. Terima kasih kerana cukup sabar dengan karenah pelajarmu ini dan tidak jemu-jemu memberikan nasihat dan pandangan dari seminggu ke seminggu, sebulan ke sebulan, setahun ke setahun. Penulis bersyukur kerana Allah menemukan penulis dengan penyelia yang cukup lembut dan santun malah berilmu tinggi dan berakhlak mulia.

Ketiga; senior dan juga mentor penulis, Ahmad Saifuddin bin Yusof lulusan Sarjana Usuluddin (Hadis) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan dalam proses menyudahkan kajian ini. 'Abang' inilah yang sanggup

bersengkang mata di malam hari bersama-sama demi memberikan pencerahan dan tips, betul salah dalam penulisan. Moga-moga beliau dapat menggapai status Doktor Sarjana dalam bidang hadis pula selepas ini dan membantu ‘adik-adik’ umat Islam seluruhnya. Insyallah.

Keempat, Dr. Monika @ Munirah binti Abd Razzak yang telah sudi meluangkan masa dan memberikan teguran kritis bagi penambahbaikan disertasi penulis. Terima kasih juga di atas motivasi yang diberikan supaya optimis dalam menyudahkan tesis ini.

Kelima, para pensyarah Jabatan al-Quran dan Hadis, APIUM. Dato’ Paduka Prof. Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Hj Mohd Yusoff, Prof. Madya Dr. Ishak bin Suliaman, Prof. Madya Dr. Mustaffa Abdullah, Almarhum Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Ahmad, Dr. Faisal Ahmad Shah, dan lain-lain. Terima kasih di atas ilmu yang telah dicurahkan sepanjang penulis mengikuti pengajian kelas semester pertama di APIUM, Kuala Lumpur.

Seterusnya, rakan-rakan dan semua yang terlibat yang juga membantu dari segi moral dan semangat, penulis hanya mampu mendoakan moga-moga Allah memberikan ganjaran pahala berlipat ganda kepada *antum* dan *antunna* semua dan mudah-mudahan Syurgalah sebagai sebaik-baik balasan. Amin.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Muhammad Rusydi bin Mohamed,**  
Pasir Mas, Kelantan.  
1 Julai 2012.